

PEN: 06/2023/01 (MBRR)

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut :-

PERATURAN MENETAPKAN TARIKH HARI RAYA QURBAN

“Bagi menyempurnakan titah perintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, setelah diperkenankan oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja, Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, mengisytiharkan bahawa tarikh bagi melihat anak bulan Zulhijah ialah pada petang **Ahad, 18 Jun 2023 Masehi** bersamaan **29 Zulkaedah 1444 Hijriah**.

2. Jawatankuasa-jawatankuasa yang berkenaan telah diperkenankan melihat anak bulan Zulhijah pada petang hari tersebut di:-

- 2.1. Pontian Kecil, Johor
- 2.2. Kompleks Falak Al-Khawarizmi, Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, Melaka
- 2.3. Kompleks Baitul Hilal Telok Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan
- 2.4. Bukit Melawati, Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan
- 2.5. Bukit Jugra, Banting, Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan
- 2.6. Balai Cerap Selangor, Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan
- 2.7. Pantai Pasir Panjang, Mukim Pengkalan Baru, Daerah Manjong, Perak Darul Ridzuan
- 2.8. Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh, Pulau Pinang
- 2.9. Kampung Pulau Sayak, Kuala Muda, Kedah Darul Aman
- 2.10. Pemandangan Indah, Pulau Langkawi, Kedah Darul Aman
- 2.11. Menara Alor Setar, Alor Setar, Kedah Darul Aman

- 2.12. Bukit Besar, Kuala Terengganu, Terengganu
- 2.13. Bukit Geliga, Kemaman, Terengganu
- 2.14. Pulau Perhentian, Besut, Terengganu
- 2.15. Balai Cerap KUSZA, Mukim Merang, Setiu, Terengganu
- 2.16. Bukit Peraksi, Pasir Puteh, Kelantan
- 2.17. Bukit Kampong Tembeling, Mukim Manjur, Daerah Olak Jeram, Kuala Krai, Kelantan
- 2.18. Menara Bangunan SEDC, Jalan Tengku Putra Semerak, Kota Bharu, Kelantan
- 2.19. Pusat Falak Miri, Sarawak
- 2.20. Teluk Bandung, Kuching, Sarawak
- 2.21. Tanjung Batu, Bintulu, Sarawak
- 2.22. Balai Cerap Al-Biruni, Tanjung Dumpil, Putatan, Sabah
- 2.23. Bukit Tanjong Batu, Nenasi, Pahang
- 2.24. Gunung Berincang, Cameron Highlands, Pahang
- 2.25. Bukit Pelindong, Kuantan, Pahang
- 2.26. Tingkat 13, Menara Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan
- 2.27. Menara Kuala Lumpur, Kuala Lumpur
- 2.28. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Putrajaya
- 2.29. Menara Pandang Masjid Al-Hussain, Kuala Perlis

3. Majlis Raja-raja telah mempersetujui bahawa cara menetapkan tarikh Hari Raya Qurban adalah berdasarkan Rukyah dan Hisab.
4. Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, akan mengisytiharkan pada malam itu juga tarikh 1hb Zulhijah dan tarikh 10 Zulhijah (Hari Raya Qurban) yang ditetapkan melalui Radio dan Televisyen.”

PERINGATAN : PERKATAAN-PERKATAAN DI ATAS TIDAK BOLEH DIPINDA.

MUSTAHAK : TIDAK BOLEH DISIARKAN SEBELUM 10 JUN 2023.

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja,
KUALA LUMPUR
6 JUN 2023 / 17 ZULKAEDAH 1444

Bilik Berita
Bahagian Media dan Komunikasi Korporat (BMKK)
Jabatan Penerangan Malaysia
03-8911 7381
9 Jun 2023
6:35 pagi
SSR
epress.penerangan.gov.my